

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 19 TAHUN 2002 -  
TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KURSUS DAN LATIHAN**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 19 TAHUN 2002**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

**TATACARA PEROLEHAN  
PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KURSUS DAN LATIHAN**

Tujuan Surat Pekeliling Pertendaharaan (SPP) ini adalah untuk memaklumkan tatacara perolehan pengendalian kursus dan latihan yang perlu dipatuhi oleh agensi.

2. Arahan Pertendaharaan (AP) 185.2 menetapkan bahawa perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah perkhidmatan bukan perunding. Oleh itu, perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah diuruskan mengikut AP 190(a) iaitu secara pembelian terus/sebut harga/tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. Bayaran kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/latihan/seminar/bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberi tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenarnya.

3. Bagi maksud perolehan di atas, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi sepenuhnya:

- (a) peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- (b) memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/latihan yang diperlukan;
- (c) pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan penceramah atau pengendalian kursus/latihan hendaklah menyatakan dengan jelas skop perkhidmatan, bidang kepakaran/kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta, dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian;
- (d) memastikan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam;

- (e) perolehan perkhidmatan pengendalian kursus/latihan secara pakej hendaklah dibuat daripada firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (f) kontrak perkhidmatan hendaklah ditandatangani sekiranya khidmat penceramah atau pengendalian kursus/latihan/seminar/bengkel tidak dibuat secara *one-off* sebaliknya secara bersiri bagi jangka masa yang tertentu;
- (g) kadar bayaran kepada pensyarah/penceramah hendaklah berasaskan kelayakan akademik seperti berikut:

<b>KADAR ASAS MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK</b>			
<b>Diploma/Sijil</b>	<b>Sarjana Muda</b>	<b>Sarjana</b>	<b>Ph.D.</b>
<b>RM100 sejam</b>	<b>RM200 sejam</b>	<b>RM300 sejam</b>	<b>RM400 sejam</b>

- (h) bagi pensyarah/penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dalam atau luar negara, bayaran elauan ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan di agensi;
- (i) tuntutan kos imbuhan balik bagi bahan/peralatan serta tuntutan perjalanan, penginapan dan lain-lain hendaklah berpatutan dan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perpendaharaan Bil. 2 Tahun 1992 sekiranya perolehan tidak dibuat secara pakej;
- (j) perolehan bagi kemudahan penginapan dan penyediaan makanan peserta kursus/latihan hendaklah dibuat mengikut kadar kelayakan yang berkuat kuasa.

4. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

#### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)  
Ketua Setiausaha  
Perpendaharaan

29 November 2002

s.k. Ketua Setiausaha  
Negara Ketua Audit Negara  
Malaysia Akauntan Negara  
Malaysia  
Semua YB Pegawai Kewangan Negara